

18 JUN 1998

Pemuda - Mokhzani

MOKHZANI KATA TEGURAN ZAHID BETUL

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Merbok Mokhzani Mahathir berkata pertalian kekeluargaan atau kawan patut menjadi kriteria akhir dalam pemberian peluang perniagaan.

Bagaimanapun, anak Perdana Menteri itu berkata, seseorang yang layak tidak harus dinafikan peluang itu semata-mata kerana mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mereka yang mempunyai kuasa melulus projek.

"Pertalian kekeluargaan tidak boleh diputuskan. Sekiranya seseorang itu berkebolehan dan mampu melaksanakan tugasnya dengan baik dan sempurna, peluangnya tidak patut dinafikan," katanya ketika ditemui selepas perasmian Perhimpunan Pemuda dan Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Mokhzani telah ditanya pandangannya mengenai amalan atau perbuatan mementing dan melebihkan sanak saudara, suku sakat dan handai taulan melampaui batas kaum dan agama yang berlaku dalam pemberian kontrak perniagaan, seperti yang dibangkitkan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamid.

Dalam ucapan dasarnya pada persidangan Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, Zahid yang membangkitkan soal itu juga menuntut mana-mana usaha menyelamatkan dan bantuan yang dihulurkan kepada syarikat-syarikat besar dilaksanakan secara telus dan terbuka bagi memelihara keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

Mokhzani berkata teguran Zahid itu adalah baik untuk memperbetulkan keadaan.

Katanya, teguran itu bukan bertujuan mempertikai dasar yang dibuat dan diamalkan kerajaan tetapi bagi memperbaiki kelemahan dalam perlaksanaannya bagi mengelak ianya dari berulang.

Mokhzani yang juga penolong bendahari pergerakan itu tidak menafikan yang reaksi beliau sering diperhatikan oleh anggota-anggota exco pergerakan itu semasa mereka membincangkan soal nepotisme dan kronisme dalam mesyuarat mereka.

"Tetapi setelah berbincang dengan barisan exco, kami berpuas hati bahawa teguran yang dibuat itu adalah betul," katanya.

Mengenai kenyataan Zahid bahawa beliau (Mokhzani) adalah "jambatan" pergerakan itu dengan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mokhzani berkata "tugas" itu bukan baru baginya.

"Saya, apabila diminta padabila-bila masa oleh ketua pemuda (Zahid) untuk mengatur pertemuan dengan presiden, saya akan telefon rumah. Malah saya tahu sendiri, kalau ketua pemuda ada masalah atau perkara untuk dibincangkan, presiden akan memberi ruang masa untuk mereka berjumpa," katanya.

Berbeza dengan pandangan orang, katanya, hubungan Zahid dan Dr Mahathir baik malahan Dr Mahathir sentiasa bersedia untuk menemui Zahid pada bila-bila masa diperlukan.

-- BERNAMA

RA WAT